

Pembangunan UMP beri kesan positif

Ubah landskap sosioekonomi Kuala Pahang termasuk penambahan penduduk, pertumbuhan perniagaan dan pekerjaan

■ NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

PEKAN - Masyarakat Kuala Pahang menerima limpahan manfaat hasil pembangunan kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang, Pekan yang beroperasi sejak enam tahun lalu.

Kampus UMP Pekan yang terletak empat kilometer dari Kuala Pahang serta tujuh kilometer dari bandar Pekan itu, berkeluasan 256.8 hektar dan mampu menampung sehingga 10,000 pelajar serta 2,000 kakitangan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kewujudan kampus Pekan itu mengubah landskap sosioekonomi Kuala Pahang termasuk penambahan penduduk, pertumbuhan perniagaan dan peluang pekerjaan.

Menurutnya, pada masa kini, UMP Pekan menempatkan tiga fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dilengkapi Pusat Aktiviti Pelajar, Kolej Kediaman dan Perpustakaan.

"Sementara itu, enam fakulti lain masih beroperasi di UMP Gambang," katanya.

Daing Nasir berkata, bangunan Kompleks Pentadbiran Utama yang mula beroperasi 2 November lalu yang menempatkan pejabat pentadbiran melengkapi nadi pembangunan universiti itu.

"Begitu juga dengan pembinaan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) termasuk dewan ku-



Elemen kubah sebagai struktur utama di Kompleks Pentadbiran Utama ini merupakan mercu tanda kepada pembangunan UMP. Gambar kecil: Daing Nasir

liah utama.

"Penghijauan kampus merupakan inisiatif yang diberi perhatian khusus oleh UMP selari dengan dasar kerajaan yang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluaskan amalan mesra alam dan aplikasi teknologi hijau di negara

ini," katanya.

Beliau berkata, pembangunan penghijauan kampus universiti itu dibahagikan kepada tujuh zon utama melibatkan Zon Landskap, Zon Penyelidikan, Zon Man-made Wetland, Zon Kawasan Dusun, Zon Tumbuhan Nadir, Zon

Taman Bioaromatik dan Zon Hutan Semula Jadi yang memberikan suasana persekitaran sangat kondusif dalam menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Menurutnya, UMP juga bakal menerima status autonomi daripada Kementerian

Pendidikan Tinggi dalam melaksanakan empat bidang utama iaitu Tadbir Urus Institusi, Tadbir Urus Kewangan, Tadbir Urus Sumber Manusia dan Tadbir Urus Akademik dengan mengguna pakai Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) dan Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI).

"Status autonomi itu membolehkan universiti bergerak secara berkesan mencapai agenda kecemerlangan," katanya.

Turut berlangsung majlis penyerahan bantuan awal permulaan perniagaan peserta empower ECER Mahkota hasil jaringan strategik dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.